

**KEPELBAGAIAN FUNGSI PERKATAAN “KENA” DALAM DIALEK MELAYU
PATANI : ANALISIS BERDASARKAN TEORI ROLE AND REFERENCE
GRAMMAR (RRG)**

MUMAD CHELAEH

(P87679)

Pusat Penyelidikan Bitara Melayu

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Mumad16124@gmail.com

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan untuk melihat terhadap kepelbagaian fungsi perkataan “kena” dalam dialek melayu patani analisis berdasarkan teori role and reference grammar (RRG). Kajian ini dijalankan untuk menjelaskan dan menghuraikan kepelbagaian fungsi mengenai perkataan “kena” yang telah wujud dalam Dialek Melayu Patani dan bahasa Melayu sebagai penanda ayat pasif. Kajian ini juga dapat memantapkan penjelasan tentang struktur SBK perkataan “kena” dalam bahasa Melayu baku dan dialek Melayu Patani serta menambahkan kefahaman . Kajian ini akan menggunakan kaedah kendirian kerana pengkaji adalah penuntun natif dalam Dialek Melayu Patani dan pengkaji juga mengguna kaedah kepustakaan dalam menjalani makalah ini. Dalam makalah ini pengkaji mendapati bahawa perkataan “kena” dalam bahasa Melayu Patani memiliki fungsi dan bentuk yang berlainan daripada bahasa Melayu baku. Fungsi pertama adalah sebagai kata seru arahan, kedua sebagai kata tanya dalam ayat tanya dan ketiga adalah memiliki makna yang tersendiri dan menjadi sebagai morfem bebas iaitu betul. Selain itu perkataan “kena” ini juga memiliki bentuk yang berbeza daripada bahasa Melayu baku iaitu ia hadir pada ayat tanya dan terdiri daripada golongan kata dasar dan penggunaan perkataan “kena” dalam dialek Melayu Patani adalah lebih meluas dan produktif berbanding penggunaan perkataan “kena” dalam bahasa Melayu baku.

Kata Kunci : operator, tatabahasa peranan dan rujukan, sintaksis, struktur berlapisan klausa dan Dialek Melayu Patani

Abstract

This article aim to see towards "appropriate" word function diversity in patani melayu dialect analysis based on role and reference grammar (RRG) theory. This study carried out to explain and explained institutional multifunctionality on "appropriate" word that have existed in Malay Dialek Patani and Malay language as passive sentence marker. This study can also stabilise explanation on structure SBK "appropriate" word in standard Malay and Patani's Malay dialect and increase comprehension . This study will use kendirian method because researcher is native penuntun in Malay Dialek Patani and researcher also using bookstore method in undergoing ini. Dalam article this article researcher find that "appropriate" word in Patani Malay language owned function and form that are different from standard Malay. First function is as direction exclamation, second as question word in interrogative sentence and third is have a meaning that is distinctive and become as bebas morpheme namely correct. Apart from that the "appropriate" word also owns different shape from standard Malay namely it attends in interrogative sentence and consist of root word and "appropriate" word usage in Patani's Malay dialect is more extensive and productive compared to "appropriate" word usage in standard Malay.

Keyword : operator, role and reference grammar, syntax, structure layered clause and Malay Dialek Patani.

1.0 PENDAHULUAN

Bahasa adalah sesuatu alat komunikasi yang penting untuk berhubung di antara seseorang dengan orang lain. Bahasa juga merupakan salah satu identiti bagi sesuatu bangsa di dunia ini. Menurut Asmah Hj Omar (1983: 3), bahasa adalah hak milik bersama sekumpulan individu, bukan kepunyaan satu-satu individu tertentu. Dalam bahasa, kita lihat sifat yang penting yang ada pada manusia sebagai makhluk sosial, iaitu sifat berkongsi. Kebiasaan berkongsi satu sistem komunikasi yang kita namakan bahasa itu melahirkan satu kumpulan manusia yang berbeza dari kumpulan yang lain yang menggunakan sistem bahasa yang berlain pula. Dengan demikian tiap-tiap kumpulan itu lama-lama kelamaan tumbuh sebagai satu bangsa yang tersendiri.

Menurut Phaosan (2009: 24) menjelaskan dalam makalahnya bahawa bahasa ialah alat komunikasi manusia yang sangat Penting. Berdasarkan pernyataan beliau di atas, jelaslah bahawa bahasa ialah alat komunikasi dalam sesebuah masyarakat sebagai contohnya bahasa Melayu dialek Patani ialah alat komunikasi bagi masyarakat Melayu Patani. Selain itu bahasa Melayu adalah salah satu kepentingan dan alat komunikasi yang signifikan terhadap pelajar-pelajar Melayu Patani dalam penulisan dan pertuturan rasmi. Sama ada mereka yang sedang

dipelajari di institusi pengajian tinggi di Malaysia atau pun di negara Thailand itu sendiri. Institusi di Thailand juga mengadakan program bahasa Melayu untuk memberi peluang kepada pelajar atau orang awam yang hendak mempelajari tetapi tidak mampu ke luar negara atau negara yang memiliki bahasa ibundanya. Selain itu juga memberi peluang untuk mempelajari lebih mendalam mengenai bahasa Melayu ini. Justeru dalam kajian ini pengkaji akan khusus membincangkan berkaitan dengan perkataan “*kena*” yang digunakan dalam Dialek Melayu Patani apabila dibezakan dengan bahasa Melayu berdasarkan teori tatabahasa peranan dan rujukan.

Kebiasaannya, perkataan “*kena*” sering dijumpai dalam kerangka ayat pasif, di mana perkataan tersebut merupakan salah satu penanda bagi ayat pasif dalam sesuatu ayat bahasa Melayu. Dengan kata lain, perkataan “*kena*” yang muncul dalam ayat pasif tersebut berada di posisi sebelum kata kerja dasar dan kata kerja tersebut tidak mengalami pengimbuhan awalan. Kemudian dalam struktur ayat pasif tersebut, perkataan “*kena*” ini akan diikuti frasa preposisi “*oleh*” dan juga frasa nama, di mana kedua-dua frasa yang mengikuti tersebut berstatus opsyenal. Maksudnya di sini, kehadiran kedua-dua frasa tersebut boleh dibuat secara pilihan iaitu digunakan atau digugurkan tanpa menjejaskan makna atau struktur ayat. Sebagai contoh:

Penagih dadah itu kena tangkap oleh polis.

Berdasarkan contoh ayat tersebut preposisi *oleh* dan kata nama polis boleh digugurkan dengan menghasilkan ayat berikut: *Penagih dadah itu kena tangkap*. Jelas di sini bahasa binaan *oleh + FN* dalam ayat pasif jenis ini boleh dibuat secara pilihan sama ada digugurkan atau digunakan. Dalam bahasa Melayu, perkataan “*kena*” ini dikelompokkan ke dalam ayat pasif. Namun demikian, terdapat perbezaan dalam penggunaan perkataan ini dalam dialek Melayu Patani.

Dalam dialek Melayu Patani, perkataan tersebut juga merupakan salah satu tanda ayat pasif, misalnya dalam ayat berikut. [*ade? kəno? gəde*]. Jelas di sini bahawa perkataan “*kena*” bukan sahaja wujud dalam ayat pasif bahasa Melayu, malahan ia juga wujud dalam dialek Melayu Patani, di mana perkataan tersebut turut digunakan dalam ayat pasif. Dalam dialek Melayu Patani juga, perkataan “*kena*” bukan hanya digolongkan atau dikelompokkan dalam ayat pasif sahaja, namun ia juga digunakan dalam ayat yang berbentuk ayat tanya, ayat perintah dan arahan. Selain itu, perkataan “*kena*” memiliki maksud yang tersendiri apabila

digunakan dalam sesuatu ayat. Seperti yang bermaksud kewajipan dan perkara itu mesti dijalankan atau berlaku.

Begitu juga dalam bahasa Melayu, pengkaji mendapati bahawa perkataan “*kena*” boleh hadir dan wujud dalam ayat perintah atau suruhan. Selain itu, ia juga memiliki maksud yang tersendiri yang tidak sama dengan maksud asalnya. Dalam kajian ini pengkaji akan membuat penelitian terhadap perkataan “*kena*” yang hadir dalam ayat selain daripada ayat pasif. Hal ini kerana, perkataan “*kena*” sering diujarkan oleh penutur natif bahasa Melayu dalam bentuk ayat arahan atau perintah. Perkataan ini juga muncul dalam ayat yang bersifat keazaman yang memberi maksud wajib dan mesti. Namun, munculnya satu persoalan bahawa benarkah perkataan “*kena*” boleh hadir dalam ayat yang bukan pasif? Atau adakah ia hanya hadir dalam ayat pasif sahaja atau boleh berfungsi yang lain daripada tanda bagi sesuatu ayat pasif.

1.1 Permasalahan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjelaskan dan menghuraikan kepelbagaian fungsi mengenai perkataan “*kena*” yang telah wujud dalam Dialek Melayu Patani dan bahasa Melayu sebagai penanda ayat pasif. Secara umumnya, perkataan “*kena*” ini wujud sebelum kata kerja dasar yang tidak diimbuhkan dengan imbuhan awalan dalam bahasa Melayu. Manakala frasa preposisi “*oleh*” dan frasa nama yang muncul selepas kata kerja pula merupakan opsiyenal iaitu tidak wajib hadir dan jika hadir pun, ia boleh digugurkan. Namun demikian, dalam kajian ini pengkaji akan mengutarakan atau mengemukakan isu yang berkaitan dengan perkataan “*kena*” dalam bahasa Melayu dan Dialek Melayu Patani.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, perkataan tersebut muncul dalam bentuk ayat pasif. Jikalau perkataan “*kena*” hadir dalam bentuk ayat perintah atau arahan dan dalam suatu ayat yang bukan ayat pasif dan perbagai fungsi yang lain, maka persoalannya adakah perkataan “*kena*” tersebut mengalami perubahan maksud atau tidak. Kajian ini akan menjelaskan dengan lebih lanjut dan mendalam tentang perkataan ini. Pandangan akan disertakan dengan bukti yang kukuh bahawa perkataan ini juga hadir dalam bentuk pasif dan bukan pasif dalam dialek Melayu Patani.

Secara rumusannya, pengkajian ini akan melihat dan menganalisis perbezaan penggunaan perkataan “*kena*” dalam bahasa Melayu dengan dialek Melayu Pattani. Selain

itu, kajian ini juga ingin melihat kekerapan penggunaan perkataan “*kena*” dalam beberapa bentuk ayat dan berlainan fungsi dalam Dialek Melayu Pattani dan seterusnya membuat perbandingan dengan kekerapan penggunaannya dalam bahasa Melayu baku.

1.2 Persoalan Kajian

Secara ringkasnya, kajian ini akan menjawab beberapa persoalan yang berkaitan dengan perbincangan dalam kajian ini. Berikut merupakan persoalan kajian:

- i. Berapakah fungsi perkataan “*kena*” dalam Dialek Melayu Patani yang wujud dalam bentuk ayat bukan pasif ?
- ii. Apakah bentuk ayat dalam dialek Melayu Patani yang menggunakan perkataan “*kena*” selain daripada ayat pasif?
- iii. Sejauh manakah perbezaan kekerapan penggunaan perkataan “*kena*” dalam pembentukan ayat bagi Bahasa Melayu dan Dialek Melayu Pattani?

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian merupakan salah satu aspek yang paling penting dalam sesebuah kajian. Oleh yang sedemikian, kajian ini dijalankan bertujuan untuk :

- i. Menjelaskan fungsi perkataan “*kena*” yang ada dalam Dialek Melayu Patani
- ii. Menganalisis perkataan “*kena*” yang hadir dalam bentuk ayat selain daripada ayat pasif
- iii. Mengemukakan makna perkataan “*kena*” apabila dipakai dalam ayat bukan pasif.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian yang dilakukan adalah untuk memberi penjelasan mengenai penggunaan yang jelas terhadap morfem yang dikaji dengan lebih mendalam. Selain itu, dapatan kajian ini dapat menjadi kepentingan kepada generasi akan datang sebagai bahan rujukan terutamanya bagi mereka yang mengkaji dalam bidang berkenaan. Kajian ini juga dapat memberi gambaran

kepada pembaca tentang kehadiran perkataan tersebut dalam ayat yang bukan berbentuk ayat pasif.

Di samping itu, kesedaran juga dapat ditiupkan ke dalam diri pembaca apabila mereka membaca dan memahami penulisan kajian ini bahawa bahasa Melayu adalah satu bahasa yang unik dan istimewa. Secara lebih khusus lagi, kajian ini juga dapat memberi penjelasan yang lebih mantap terhadap pengkaji sendiri berdasarkan isu yang telah ditimbulkan atau dikemukakan. Kajian ini penting dijalankan kerana dapatan kajian ini mampu menyumbang kepada pemikiran masyarakat luar mengenai struktur ayat perkataan “*kena*” tersebut yang wujud dalam pelbagai bentuk ayat. Kajian ini juga penting dalam memberi gambaran dan mengenal pasti terhadap penggunaan perkataan “*kena*” dalam sesuatu ayat tanpa sebarang kekeliruan.

Kajian ini juga dapat memantapkan penjelasan tentang struktur SBK perkataan “*kena*” dalam bahasa Melayu baku dan dialek Melayu Patani serta menambahkan kefahaman dalam diri pengkaji sendiri. Selain itu, kajian ini dapat memberi sedikit sebanyak kesedaran kepada mereka yang tidak mengambil berat terhadap bahasa Melayu sebelum ini. Namun, apa yang lebih penting ialah kajian ini dapat menjadi sumbangan dalam menyelesaikan persoalan yang wujud berkenaan hal penggunaan perkataan tersebut dalam bahasa Melayu. Menurut pengkaji, kajian ini adalah sangat penting untuk dijalankan supaya penulisan ini nanti dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat luar khususnya pelajar Melayu Patani yang akan mengkaji dalam bidang berkenaan.

1.5 Metodologi Kajian

Kajian ini akan menggunakan kaedah kendirian kerana pengkaji adalah penuntun natif dalam Dialek Melayu Patani dan pengkaji juga mengguna kaedah kepustakaan dalam menjalani makalah ini. Pengkaji telah menggunakan kaedah pengumpulan data dalam mendapatkan maklumat kajian. Kaedah ini merangkumi kajian dan analisis isi kandungan melalui kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan adalah satu teknik pengumpulan data primer dan sekunder. Data primer adalah penyelidikan melalui kajian ke atas dokumen-dokumen dan rekod-rekod asal yang masih belum dilakukan sebarang pembukuan oleh penulis kedua. Manakala data sekunder adalah melalui rujukan buku, jurnal, dan bahan yang berkaitan. Kajian kepustakaan adalah lebih berkesan kerana bahan-bahan ini dapat dikumpulkan dengan cepat, tepat, dan

mempunyai kebolehpercayaan. Kaedah ini adalah satu kaedah penelitian yang sistematik dalam mencari dan mendapatkan bahan-bahan dan bukti-bukti berkaitan dengan tajuk kajian.

Proses atau kaedah pengumpulan data ini akan bermula dengan pembacaan, perbandingan, penterjemahan, dan catatan-catatan yang diperoleh dari pelbagai jurnal, artikel, kertas kerja, tesis, dan sebagainya. Seterusnya, pengkaji akan menggunakan kaedah analisis data yang dikumpul untuk memastikan kesahihan dan ketepatan maklumat yang diperolehi. Kaedah analisis data ini turut digunakan dalam menilai dan mengkaji masalah-masalah isu yang berkaitan dengan kajian.

2.0 KOSA ILMU

Kosa ilmu adalah kajian lepas yang telah dikumpulkan oleh pengkaji melalui pembacaan dan kemudiannya digunakan untuk menjadi sebagai bahan rujukan semasa menjalankan kajian ini. Berdasarkan kepada pembacaan dan penelitian terhadap kajian-kajian lepas ini, pengkaji mengumpul idea dan seterusnya menjadi panduan untuk menyelesaikan tugas ini dengan sempurna. Bahagian ini akan memaparkan beberapa buah kosa ilmu yang dijadikan sebagai rujukan dalam kajian ini.

2.1 Morfem *kena* dalam bahasa Melayu: Ada berapa morfem?

Makalah ini dikaji oleh Kartini Abd. Wahab dan Hiroki Nomoto pada tahun 2011. Dalam makalah ini, mereka telah meneliti sintaksis ayat *kena* dalam bahasa Melayu. Analisis mereka secara asasnya adalah baru dalam tiga hal berikut. Pertama, mereka telah memperlihatkan kewajaran hubungan antara pasif (*adversatif*) *kena* dan ayat *kena* dengan makna “harus”, iaitu dua ayat tersebut adalah pasangan pasif-aktif. Kedua-dua konstruksi ini dianggap sebagai tidak mempunyai hubungan sintaksis dalam kajian terdahulu. Kedua, mereka telah menunjukkan bahawa *kena* bukan penanda pasif tetapi predikat lucu. Dalam kajian terdahulu, ketaksaan *kena* yang melibatkan penggunaannya dalam ayat pasif *kena* dan ayat *kena* yang mengandungi makna “harus”, merupakan ketaksaan *leksikal*, iaitu sama ada wujud dua morfem *kena* yang berlainan atau *kena* adalah bersifat polisemi. Namun, dua hal yang tersebut di atas membolehkan wujudnya pandangan yang lebih berprinsip.

Secara khusus, ketaksaan yang relevan bersifat *struktural*. Jenis ketaksaan yang berlaku dalam ayat *kena* adalah sama sahaja dengan ketaksaan yang terdapat dalam ayat

dengan predikat lucu yang lain, seperti *mahu* dan *cuba*. Penemuan baru yang ketiga dalam analisis mereka ialah mereka mendakwa bahawa dalam ayat *kena*, ragam tidak ditandakan secara nyata atau tersurat, baik oleh morfologi kerjaan atau menerusi urutan kata khas (apabila *kena* tidak diikuti oleh klausa ragam morfologi atau klausa ragam kosong). Mereka menamakan jenis ragam ini sebagai “ragam tersirat” dan mereka juga telah menunjukkan bahawa ia tidak terbatas kepada ayat *kena* dalam bahasa Melayu, malahan ragam ini juga ditemui dalam ayat dengan *ter-* dalam bahasa Melayu serta dalam banyak bahasa yang lain.

Namun demikian, kajian mereka tidak membahaskan mengenai morfem ‘kena’ yang wujud atau hadir dalam bentuk ayat arahan atau perintah. Selain itu, makalah mereka juga tidak membincangkan morfem ‘kena’ dalam dialek Melayu Patani yang mempunyai fungsi yang berlainan daripada morfem ‘kena’ yang terdapat dalam bahasa Melayu. Oleh yang sedemikian, pengkaji akan mengambil peluang ini untuk menjelaskan dan menjawab beberapa persoalan yang telah dikemukakan oleh pengkaji di awal perbincangan kajian ini.

2.2 Konstruksi Pasif Kena Bahasa Indonesia: Perbandingan dengan Bahasa Melayu.

Selain itu, pengkaji telah meneliti makalah yang dikaji oleh dua orang ahli bahasa dalam bidang sintaksis. Makalah ini juga membincangkan perbezaan antara bahasa Melayu dan bahasa Indonesia terhadap konstruksi *kena*. Makalah ini memperlihatkan perbezaan yang wujud antara bahasa Melayu dan bahasa Indonesia dalam membincangkan konstruksi *kena*. Konstruksi ‘kena’ dalam bahasa Melayu bukan hanya mempunyai kalimat pasif sebagaimana bahasa Indonesia, tetapi juga kalimat aktif yang membawa makna “harus”. Makalah ini membahas bahawa ‘kena’ dalam bahasa Melayu adalah verba yang termasuk dalam kelas predikat lucu, yang menimbulkan fenomena kawalan lucu (*funny control*).

Sebaliknya, ‘kena’ dalam bahasa Indonesia adalah verba kawalan (*control verb*) yang mengambil argumen luar yang terpengaruh. Pada kalimat *kena* yang aktif, PRO dalam klausa aktif sematan tidak terpengaruh, sedangkan pengawalnya, iaitu argumen luar ‘kena’ akan terpengaruh. Ketidakkoherenan ini menjelaskan mengapa bahasa Indonesia tidak mempunyai kalimat ‘kena’ yang aktif. Kalimat ‘kena’ dalam bahasa Melayu tidak melibatkan PRO, maka bebas dari keadaan kekoherenan tersebut sehingga memiliki pola aktif dan pasif berterima. Makalah ini turut menghuraikan prediksi analisis kalimat ‘kena’ bahwa bahasa Indonesia memiliki alternasi diatesis tersirat (*covert voice alternation*). Penemuan yang diperoleh dalam kajian ini ialah alternasi diatesis tersirat itu terdapat pada kalimat *ter-*.


2.3 Representasi Sintaksis Operator Bahasa Melayu Berdasarkan Pendekatan Tataahasa Peranan Dan Rujukan

Makalah ini dijalankan oleh Ardiana Ali Amat dan Maslida Yusof (2011). Mereka meneliti bentuk dan peranan operator bahasa Melayu dari aspek sintaksis. Aspek sintaksis operator bahasa Melayu diteliti berdasarkan kerangka teori Tataahasa Peranan dan Rujukan (TPR). Melalui analisis yang dijalankan dalam kajian mereka, mendapati tujuh jenis operator yang wujud dalam bahasa Melayu, iaitu operator aspek, penafian, status, modaliti, arah, ilokusionari dan bukti. Dalam teori TPR, representasi sintaksisnya digambarkan dalam SBK. Walau bagaimanapun, SBK dalam TPR mengandungi dua komponen yang utama, iaitu unjuran konstituen dan unjuran operator. Unjuran konstituen mewakili struktur klausa yang mengandungi komponen seperti elemen predikat (predikat dan argumen) dan elemen bukan-predikat (sipian). Unjuran konstituen merupakan perwakilan utama struktur klausa dalam suatu ujaran itu. Hal ini, berbeza dengan unjuran operator.

3.0 KONSEP UTAMA TEORI (RRG)

Dalam membincangkan dan membahaskan mengenai persoalan nahu dalam bahasa Melayu, pelbagai teori dan paradigma akan dijadikan sebagai satu landasan atau kayu ukur oleh pengkaji bagi membina rangka penyelidikan mereka. Menurut Zulkifley (2006: 41), paradigma ialah pandangan atau prinsip yang disokong secara bersama oleh sekumpulan ahli sains (sosial atau tulen). Paradigma yang dipegang akan membantu para penyelidik dalam pembentukan metodologi penyelidikan, pemilihan kerangka teori atau landasan kajian serta penganalisan dan pentafsiran data.

Secara keseluruhannya, kajian ini akan menggunakan Teori Role and Reference Grammar (RRG) bagi menghuraikan perbincangan dalam kajian ini. Prosedur RRG berasaskan interaksi tiga konsep utama, iaitu struktur klausa (representasi sintaksis), struktur logik kata kerja (representasi semantik) dan struktur fokus (wacana) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Ketiga-tiga konsep ini akan dijelaskan untuk memberi gambaran lengkap tentang teori ini.



Rajah 1 Organisasi TPR.
(Sumber: Van Valin & LaPolla, 1997)

Rajah 1: Organisasi RRG

(Sumber : Van Valin dan LaPolla 1997)

Rajah 1 memperlihatkan bahawa RRG merupakan teori monostrata. Teori ini menunjukkan pemetaan langsung atau perkaitan antara representasi semantik bagi ayat dengan representasi sintaksisnya melalui set rumus perkaitan yang dikenali sebagai algoritma perkaitan. Anak panah bagi rumus perkaitan adalah secara dua hala. Anak panah ini menunjukkan sistem hubungan TPR memetakan representasi semantik kepada representasi sintaksis dan juga memetakan representasi sintaksis kepada representasi semantik.

4.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan menghuraikan dan menjelaskan dengan lebih terperinci terhadap hasil dapatan yang telah ditemui dan dicapai dalam kajian ini. Secara ringkasnya, perbincangan dalam bahagian ini akan memfokuskan kepada beberapa aspek fonetik sintaksis perkataan yang berkenaan. Bahagian ini akan melihat dan menghuraikan mengenai beberapa perkara yang berkaitan dengan perkataan “*kena*” berdasarkan teori RRG secara terperinci. Perbincangannya adalah seperti berikut:

4.1 Perkataan “*kena*” dalam bahasa Melayu

- i. Perkataan “*kena*” dalam struktur Ayat Pasif dalam bahasa Melayu
- ii. Perkataan “*kena*” dalam ayat Arahan atau Perintah

Oleh yang sedemikian, setiap perkara di atas akan dihuraikan dan dianalisis dengan lebih teliti serta mendalam bagi menjawab setiap satu persoalan yang telah dikemukakan oleh pengkaji. Berikut merupakan hasil daripada analisis pengkaji terhadap morfem ‘kena’ dalam bahasa Melayu baku dan dialek Melayu Patani:

4.1.1 Perkataan “*kena*” dalam Struktur Ayat Pasif

Kartini dan Hiroki (2011) menyatakan bahawa pasif *kena* sudah pernah dibincangkan oleh beberapa pengkaji (misalnya Nik Safiah 1978; Asmah dan Subbiah 1983; Abdul Hamid 1992; Koh 1990; Nik Safiah dll. 1993; Bao dan Wee 1999; Chung 2005). Menurut Kamus Tatabahasa Dewan (2013), pasif *kena* adalah pasif jenis yang mengandungi perkataan *kena* di hadapan kata kerja dasar yang tidak menerima imbuhan awalan. Pasif *kena* dikatakan mempunyai beberapa ciri, seperti yang akan dibincangkan berikut:

Subjek dalam ayat pasif *kena* biasanya adalah entiti yang terkena pengaruh yang tidak menyenangkan (Koh 1990; Bao dan Wee 1999; Chung 2005).

Contoh: (1). Siti kena pukul.

Hakikatnya, pihak yang terkena pengaruh boleh merupakan si penutur, khususnya apabila ia mempunyai empati terhadap subjek, yang biasanya tidak bernyawa. Dua contoh yang berikut menunjukkan hal ini.

Contoh: (2). a. Dompot aku kena curi semalam.
b. Rumah adik aku kena rompak.

Kata kerja keadaan (*stative*) tidak boleh muncul dalam pasif *kena* (Bao dan Wee 1999).

Contoh: (3) a. *Perkara itu dia kena tahu.
b. *Buku itu kena punya.

Kata kerja dalam pasif *kena* biasanya digunakan tanpa apa-apa imbuhan. Perlu disebutkan di sini, bahawa dakwaan kuat yang menyatakan bahawa kata kerja dalam pasif *kena* adalah wajib bebas daripada segala bentuk penandaan morfologi (misalnya Nik Safiah dll. 1993; Bao dan Wee 1999) adalah tidak dapat dipertahankan. Hal ini kerana terdapat beberapa jenis imbuhan yang dapat hadir dengan kata kerja dalam ayat pasif *kena*, meskipun

dalam kebanyakan ayat pasif *kena* yang kita temui dalam wacana biasa, kata kerjanya memang tanpa imbuhan. Pengamatan bahawa kata kerja dalam pasif *kena* adalah tanpa imbuhan, mungkin berpunca daripada penggunaan konstruksi ini dalam laras bahasa tidak formal. Tambahan pula, kata kerja tanpa imbuhan adalah sangat umum ditemui dalam bahasa Melayu Lisan.

Frasa pelaku *oleh* dalam pasif *kena* adalah unsur opsyenal (Nik Safiah dll. 1993: 471; Bao dan Wee 1999; Chung 2005). Selain itu, frasa *oleh* juga dapat dihilangkan apabila adanya pelaku (4c).

- Contoh: (4) a. Ahmad kena tangkap oleh polis.
 b. Ahmad kena tangkap.
 c. Ahmad kena tangkap polis.


Jelas di sini bahawa Perkataan “*kena*” yang hadir pada ayat pasif ini banyak dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji atau pakar bahasa terdahulu dan sekarang. Perkara ini sudah banyak dikaji oleh pakar bahasa luar negara mahupun dalam negara ini sendiri. Hal ini sedemikian kerana kebanyakan bahasa memiliki ayat pasif seperti bahasa Inggeris, bahasa Melayu, dialek Melayu Patani dan sebagainya. Rumusannya, bentuk ayat pasif “*kena*” ini sememangnya telah dibincangkan sejak sekian lama lagi dan perbahasan mengenainya juga adalah amat produktif sekali.

4.1.2 Perkataan “*kena*” dalam ayat Arahan atau Perintah


Berdasarkan pemerhatian pengkaji, perkataan “*kena*” bukan sahaja muncul pada ayat pasif. Hal ini kerana, pengkaji mendapati bahawa intuisi penutur natif sering mengujarkan ayat yang mengandungi perkataan “*kena*” dalam ayat arahan atau perintah. Pengkaji dapat memaparkan beberapa data yang telah disahkan kegramatisannya oleh penutur natif Bahasa Melayu sendiri. Perhatikan bukti yang jelas melalui ayat (5-7) di bawah, di mana ayat tersebut sering dituturkan oleh penutur natif bahasa Melayu secara meluas.

- Contoh: (5) awak kena buat sekarang !
 (6) kamu semua kena mula dari sekarang !
 (7) Amin kena selesaikan tugas pada hari ini juga !.

Berdasarkan contoh (5-7) di atas, jelaslah bahawa perkataan “*kena*” hadir dalam bentuk ayat perintah atau suruhan. Kesemua ayat tersebut mengandungi perkataan “*kena*” yang berperanan sebagai kata seru ayat suruhan. Ringkasnya, perkataan “*kena*” akan menjadi ayat perintah atau arahan apabila subjek yang didahuluinya adalah kata ganti nama kedua atau nama orang. Dalam situasi ini perkataan “*kena*” memiliki maksud tersendiri iaitu sebagai wajib, harus atau mesti dan sebagainya. Jelas di sini bahawa perkataan “*kena*” adalah kata kerja bantu atau operator modaliti dan juga ilokusyenari yang menjelaskan bahawa strukyur ayat tersebut adalah bentuk ayat perintah. Hal ini akan diperjelaskan melalui rajah pohon di bawah.



Berdasarkan rajah pohon di atas, jelaslah bahawa perkataan “*kena*” adalah operator modaliti yang mengubah suai ayat di peringkat lapisan inti. Selain itu, perkataan “*kena*” juga boleh mengubah suai ayat di peringkat lapisan klausa oleh operator ilokusyenari yang dapat memberi maklumat bahawa ayat tersebut adalah bentuk ayat perintah.



4.2.2 Perkataan “*kena*” dalam bentuk ayat arahan atau perintah.

Dalam dialek Melayu Patani, morfem ‘kena’ juga dapat digunakan dalam bentuk ayat perintah atau suruhan. Perhatikan contoh ayat berikut:

Contoh: (9) a. [adeʔ kənoʔ makɛ dulu]


(Adik perlu makan dahulu)

b. [abɛ kənoʔ gi sədʒeʔ]


(Abang mesti pergi masjid)

Jelas di sini bahawa, dalam contoh (9b) di atas perkataan “*kena*” sering diguna dalam pembentukan ayat bagi dialek Melayu Patani dan ia juga ditafsirkan sebagai ayat berbentuk perintah. Perkataan “*kena*” dalam bentuk ini adalah berbentuk ayat perintahan. Selain itu, ia juga memiliki maksud perlu dan dalam TPR kata “*kena*” mempunyai fungsi sebagai operator status. Dalam bahasa Melayu, antara contoh kata yang tergolong atau bertindak sebagai operator status ialah kata *perlu*, *patut*, *mungkin*, *hendak*, *mahu*, dan *ingin*. Operator status merupakan operator yang mengubah suai keseluruhan klausa. Operator status

merupakan operator yang mempunyai peranan yang hampir sama dengan modaliti. Mankala dalam contoh (9a) di atas perkataan “*kena*” adalah berbentuk ayat arahan yang memiliki maksud *mesti*, *harus*, *wajib* dan dalam TPR kata “*kena*” mempunyai fungsi sebagai oparetor modaliti. Lihat rajah pohon di bawah.



Rajah pohon bagi contoh (9a)



Rajah pohon bagi contoh (9b)

4.2.3 Perkataan “kena” dalam bentuk ayat tanya


Perkataan “*kena*” dalam bentuk ayat tanya bagi dialek Melayu Patani boleh hadir dalam dua posisi iaitu posisi awal ayat dan tengah ayat.

- i. Perkataan “*kena*” di posisi awal ayat

Contoh: (10) a. [kəno gi lopa? kə] ?

(Adakah perlu pergi ke balai polis ?)

Berdasarkan contoh ayat di atas perkataan “*kena*” yang hadir dalam bentuk ayat tanya dalam dialek Melayu Patani akan diberi maksud perlu, mahu dan sebagainya. Perhatikan rajah pohon di bawah ini:




Berdasarkan rajah pohon di atas, jelaslah bahawa perkataan “*kena*” adalah kata kerja bantu modaliti yang mengubah suai ayat di peringkat inti dan dalam ayat tersebut, operator ilokusyenari hadir sebagai pengubah suai ayat di peringkat klausa, di mana operator ilokusyenari ini memberi maklumat bahawa bentuk ayat ini adalah ayat tanya.

ii. Perkataan “*kena*” di posisi tengah ayat

Contoh: (11) a. [me? sake? kəno gapo] ?

(Ibu sakit sebab apa?)

Contoh ayat di atas pula menunjukkan perkataan “*kena*” yang berada di posisi tengah ayat itu memiliki persamaan maksud dalam bahasa Melayu iaitu sebagai kata tanya *kenapa*. Dalam dialek Melayu Patani, kata tanya kenapa dalam BM baku disebut sebagai *kena gapo*. Persoalannya, adakah *kena gapo* dalam dialek Melayu Patani pada asasnya datang daripada kenapa atau kata tanya ini bervariasi dengan kata soal *kenapa* dalam bahasa Melayu baku. Perhatikan rajah pohon di bawah ini yang memerihalkan perkataan “*kena*”:



Rajah pohon di atas menunjukkan bahawa perkataan “*kena*” adalah kata yang berhampiran dengan kata tanya [gapo] atau boleh juga dikatakan sebagai kata penguat bagi

kata tanya [*gapɔ*] dan di posisi ini ia bukan lagi kata kerja bantu modaliti seperti mana di posisi awal ayat. ‘Kena’ dalam konteks ini berfungsi sebagai ilokusyenari yang mengubah suai ayat di peringkat klausa.

Secara rumusannya, morfem ‘kena’ yang hadir dalam pembentukan ayat bagi dialek Melayu Patani bukan sahaja berlaku dalam ayat berbentuk pasif, tetapi ia juga wujud dalam ayat perintah, suruhan atau arahan. Selain itu, morfem ini juga boleh berdiri sendiri dan mempunyai makna yang gramatis. Jelaslah di sini bahawa penggunaan morfem ‘kena’ dalam dialek Melayu Patani adalah lebih meluas berbanding dengan penggunaan dalam bahasa Melayu baku, di mana pada dasarnya morfem ini hadir dalam ayat pasif dan juga ayat perintah.

5.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, dalam bahasa Melayu morfem ‘kena’ ini sering didengar wujud dalam bentuk ayat pasif. Hal ini dapat dijelaskan bahawa apabila morfem ‘kena’ hadir pada ayat pasif, maka kata kerja yang diikutinya tidak boleh diimbuhkan dengan imbuhan awalan. Seterusnya, binaan oleh + FN boleh dipilih untuk digugurkan atau digunakan dengan tanpa menjejaskan struktur ayat tersebut. Namun demikian, hasil dapatan daripada kajian ini telah menemukan bahawa apabila kata ‘kena’ berada di dalam ayat jenis suruhan atau arahan, maka kata kerja selepas kata ‘kena’ ini akan mengalami pengimbuhan.

Selain itu juga, perkataan “*kena*” boleh hadir dalam bentuk ayat arahan atau perintah dengan memiliki status sebagai perkataan seru dalam ayat suruhan atau arahan tersebut. Perkataan “*kena*” yang hadir dalam bentuk ayat ini juga boleh ditafsirkan sebagai makna kewajipan, kemestian dan keharusan terhadap sesuatu perkara. Hal ini terbukti melalui data daripada intuisi penutur natif, di mana mereka sering menggunakan bentuk ayat tersebut dalam pertuturan harian.

Selain daripada dalam bahasa Melayu baku, perkataan “*kena*” wujud juga dalam dialek Melayu Patani. Salah satu fungsinya adalah sama sebagaimana dalam bahasa Melayu baku iaitu dalam ayat pasif. Namun demikian, dalam dialek Melayu Patani, perkataan ini digunakan dengan lebih meluas berbanding daripada perkataan “*kena*” yang wujud dalam bahasa Melayu baku. Hal ini terbukti melalui perbincangan atau perbahasan yang telah dikemukakan oleh pengkaji di atas. Perkataan tersebut memiliki status sebagai kata dasar

yang memiliki maksud betul, benar dan sebagainya. Selain itu, ia hadir dalam ayat perintah atau suruhan yang membawa maksud perlu, mesti atau wajib dan dilabelkan sebagai kata seru ayat arahan atau suruhan. perkataan “*kena*” dalam dialek Melayu Patani juga wujud dalam ayat tanya yang membawa fungsi sebagai kata soal iaitu *kena gapo* bersamaan dengan *kenapa* dalam bahasa Melayu baku.

Ringkasnya di sini bahawa objektif kajian telah dapat dicapai melalui perbincangan dan analisis yang telah dipaparkan dalam penulisan ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa perkataan “*kena*” dalam bahasa Melayu Patani memiliki fungsi dan bentuk yang berlainan daripada bahasa Melayu baku. Fungsi pertama adalah sebagai kata seru arahan, kedua sebagai kata tanya dalam ayat tanya dan ketiga adalah memiliki makna yang tersendiri dan menjadi sebagai morfem bebas iaitu betul. Selain itu morfem ‘kena’ ini juga memiliki bentuk yang berbeza daripada bahasa Melayu baku iaitu ia hadir pada ayat tanya dan terdiri daripada golongan morfem dasar.

Jelaslah bahawa penggunaan perkataan “*kena*” dalam dialek Melayu Patani adalah lebih meluas dan produktif berbanding penggunaan perkataan “*kena*” dalam bahasa Melayu baku. Kajian yang dilakukan bersandarkan kepada data daripada intuisi penutur ini jelas dapat menjawab setiap persoalan yang telah dikemukakan pada awal perbincangan. Pendedahan mengenai perkataan “*kena*” yang wujud dalam ayat bukan pasif bagi bahasa Melayu baku telah dapat dilakukan oleh pengkaji. Bahkan, perbincangan yang lebih mendalam dan teliti berkenaan pelbagai fungsi perkataan “*kena*” yang hadir dalam pembentukan ayat bagi dialek Melayu Patani juga telah dapat dilakukan.

RUJUKAN

- Asmah Hj. Omar. 1975. Standard Language and The Standardizations of Malay' dalam Essays on Malaysian Linguistics. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chung, Siaw Fong. 2005. *Kena as a Third Type of the Malay Passive*. *Oceanic.Linguistics* 44: 194–214
- Hiroki Nomoto dan Kartini Abd. Wahab. 2011. Konstruksi Pasif Kena Dalam Bahasa Indonesia: Perbandingan Dengan Bahasa Melayu*. Dalam koleksi: Linguistik Indonesia: *Jurnal Ilmiah Masyarakat Linguistik Indonesia*. vol. 29 no. 2 (Aug. 2011)
- Hiroki Namoto dan Kartini Abd. Wahab. 2011. *Morfem Kena dalam Bahasa Melayu: Ada Berapa Morfem?*. Persidangan Linguistik ASEAN V (PLA V), 21-22 Disember 2011., Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hasyim Hj Musa dan Abdul Hamid Mahmood. (2013). *Kamus Tatabahasa Dewan*. Edisi ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslida Yusof dan Ardiana Ali Amat. 2011. Representasi Sintaksis Operator Bahasa Melayu Berdasarkan Pendekatan Tatabahasa Peranan Dan Rujukan. *Jurnal Bahasa*.
- Maslinda Yusof.2015. *Perkaitan Semantik-Sintaksis Kata Kerja Dengan Preposisi Bahasa Melayu*.Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Phaosan Jehwae. 2009. Bahasa Melayu Sebagai Wahana Kedamaian di Selatan Thai. *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*. Jld 8, Bil 5.
- Zulkifley Hamid. 2006. *Aplikasi Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing